

MB Kedah ditentukan tidak lama lagi

UM - 5 DEC 1999

LANGKAWI 4 Dis. — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, beliau akan menentukan soal pelantikan Menteri Besar baru Kedah tidak lama lagi.

Katanya, setakat ini beliau belum menerima sebarang nama lagi untuk dicalonkan menduduki kerusi itu berikutan keputusan Tan Sri Sanusi Junid tidak mahu menyambung perkhidmatannya.

"Saya banyak kerja selepas ini. (Pembentukan) kabinet saya pun tidak siap lagi," ujarnya kepada pemberita dalam sidang akhbar di Pusat Pameran Antarabangsa Langkawi (MIEC) di sini, hari ini.

Perdana Menteri berkata, beliau mengadakan perbincangan dengan Sanusi Rabu lalu mengenai sebab-sebab Menteri Besar Kedah itu ingin melepaskan jawatannya dan beliau menerima alasan yang diberikan oleh Sanusi.

Beliau menjelaskan, Sanusi

telah menghantar surat kepadanya sebelum ini meminta dia (Sanusi) dilepaskan dari jawatan Menteri Besar yang disandanginya sejak bulan Jun 1996 menggantikan Tan Sri Osman Aroff.

"Kita ada perbincangan sedikit dengan dia dan saya dengar sebab-sebab dia nak undur (dari jawatan Menteri Besar) dan saya terima," ujarnya

Prestasi

Ditanya kemungkinan kemerosotan prestasi Barisan Nasional (BN) negeri dalam pilihan raya umum lalu menyebabkan Sanusi bertindak demikian, Dr. Mahathir berkata: "Faktor itu ada juga."

Bagaimanapun, beliau menjelaskan, Sanusi sendiri yang berpendapat dia tidak berjaya membawa kejayaan kepada BN negeri dalam pilihan raya umum lalu.

"Itu dia (Sanusi) punya penilaian," katanya sambil menambah, beliau tidak mempunyai sebarang pendapat tentang prestasi Sanusi semasa pilihan raya.

Sanusi mengambil alih jawatan Menteri Besar Kedah daripada Osman Aroff dalam suasana yang penuh kontroversial apabila 22 orang Ahli Dewan Undangan Negeri Kedah dari UMNO menghantar surat kepada Perdana Menteri tidak mahu menerima beliau sebagai Menteri Besar.

Bagaimanapun, isu tersebut dapat diselesaikan dengan campur tangan Dr. Mahathir dan kesemua Ahli Dewan Undangan Negeri tersebut meminta maaf dan menerima Sanusi.

Dengan pengunduran Sanusi, beliau menjadi Menteri Besar yang paling singkat memegang jawatan tersebut apabila hanya sempat berkhidmat selama tiga tahun lima bulan sahaja.